



جَبَاتَانِ كَهَاكِيمَانِ شَرِيَاةٍ پَهَاڠْ

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG
Jalan Masjid
25000 KUANTAN
PAHANG DARUL MAKMUR



Tel : 09-517 7966
Faks : 09-513 4805
Laman Web: <http://pahang.jksm.gov.my>
E-mail : jksps@esyariah.gov.my

#MajuTerusPahang #Pahang1st

Ruj.Kami : JKSP.100-1/6/3 (35)

Tarikh : 12 Januari 2021

Semua Hakim Mahkamah Tinggi Syariah

Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah

Semua Pegawai / Kakitangan JKSP

YA. Tuan / Tuan / Puan,

SURAT ARAHAN KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PAHANG BILANGAN 2 TAHUN 2021 : GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN DAN PENGOPERASIAN JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG (JKSP) SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagai makluman YA. Tuan / Tuan / Puan, pada 11 Januari 2021 YAB Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi Negeri Pahang Darul Makmur bermula pada 13 Januari 2021 sehingga 26 Januari 2021 bagi mengawal penularan wabak COVID-19.

3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini disertakan Garis Panduan Perkhidmatan Dan Pengoperasian JKSP sepanjang tempoh PKPB seperti di **Lampiran A1** untuk makluman dan tindakan pihak YA. Tuan / tuan / puan selanjutnya.

"SYARIAH ASAS KEADILAN"



CERTIFIED TO ISO 9001:2008 CERT NO. AR5484

Ruj.Kami : JKSP.100-1/6/3 (35)

4. Pelaksanaan garis panduan ini berkuat kuasa sepanjang tempoh PKPB iaitu **mulai 13 Januari 2021 sehingga ke satu tarikh yang akan ditetapkan.** Pindaan kepada garis panduan ini adalah tertakluk kepada arahan dari pentadbiran SUK Pahang dari semasa ke semasa.

5. Sehubungan dengan itu, perhatian dan kerjasama pihak YA. Tuan / Tuan / Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“SYARIAH ASAS Keadilan”

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' SRI HAJI ABDUL RAHMAN BIN MD YUNOS, SSAP., DIMP., SMP., PKC.)
KETUA HAKIM SYARIE**